



**KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

**TEKS UCAPAN  
YB PUAN RINA BINTI MOHD HARUN  
MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

**SEMPENA PROGRAM RAMAH MESRA YB MENTERI PEMBANGUNAN  
LUAR BANDAR BERSAMA MASYARAKAT ORANG ASLI DAERAH  
SEPANG, SELANGOR**

**PADA 10 JULAI 2018 (SELASA)  
BERTEMPAT DI DEWAN TERBUKA JKKKOA SUNGAI MELUT  
WAKTU KETIBAAN: 1.00 PETANG**

*Bismillaahir rahmaanir raheem*

*Assalaamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan Salam Sejahtera

1. *Alhamdulillah*, terlebih dahulu marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat *Allaah* yang Maha Esa kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya jua dapat kita bersama-sama bertemu di dalam majlis yang indah ini.
2. Pertama sekali, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), YBrs. Tuan Ajis bin Sitin, atas kesudian beliau menjemput saya untuk turut bersama-sama hadir ke Program Ramah Mesra YB Menteri Pembangunan Luar Bandar bersama Masyarakat Orang Asli Daerah Sepang ini. Dengan adanya majlis seperti ini dapat mengeratkan lagi hubungan kita semua iaitu di antara pihak Kementerian dengan masyarakat Orang Asli setempat.
3. Terima kasih juga diucapkan kepada seluruh masyarakat Orang Asli di Daerah Sepang ini yang telah sama-sama hadir bagi memeriahkan program kita pada hari ini.

**Hadirin-hadirat sekalian,**

4. Pembangunan sosio-ekonomi masyarakat Orang Asli tetap dan masih menjadi agenda penting Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB). Pada masa ini Kementerian telah menyediakan kemudahan jalan kampung sebanyak 84 peratus, bekalan elektrik (80 peratus), bekalan air (79 peratus) dan sebanyak 82 peratus Projek Perumahan Rakyat Miskin Tegar (PPRT) daripada keseluruhan 853 buah perkampungan Orang Asli yang berdaftar di seluruh negara. Kementerian berharap agar semua kemudahan tersebut akan disediakan sepenuhnya, sekali gus dapat meningkatkan taraf hidup masyarakat Orang Asli di seluruh negara.
5. Di masa-masa yang akan datang, terdapat banyak projek pembangunan yang telah dirancang dan kita akan dapat melihat perubahan demi perubahan yang dapat dinikmati oleh masyarakat Orang Asli.

**Hadirin-hadirat sekalian,**

6. Saya ingin menyeru kepada seluruh masyarakat Orang Asli di Negeri Selangor terutamanya di Daerah Sepang ini supaya mementingkan pendidikan dan turut menuntut perubahan sikap dengan menguasai ilmu. Sesungguhnya, pendidikan merupakan jalan keluar bagi sesebuah masyarakat untuk hidup lebih berdikari tanpa bergantung kepada mana-mana pihak.
7. Saya difahamkan bahawa **kita telah berjaya mengurangkan kadar keciciran pelajar sekolah rendah (Darjah 6 ke Tingkatan 1) daripada 20 peratus pada tahun**

**2015 kepada 17 peratus pada tahun 2018.** Kita akan terus mengurangkan peratusan ini melalui usaha yang berterusan dalam memberi kesedaran pendidikan terhadap masyarakat Orang Asli.

8. Kementerian juga sentiasa berusaha meningkatkan tahap pendidikan dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Kita mahu lebih ramai pelajar Orang Asli dapat belajar di sekolah berasrama penuh. **Pada tahun 2018 ini, seramai 38 orang pelajar berada di Sekolah-sekolah Berasrama Penuh (SBP), 62 orang pelajar di MRSM dan 4 orang pelajar sedang menuntut di Maktab Tentera DiRaja. Jumlah keseluruhan adalah seramai 104 orang pelajar yang sedang menuntut di sekolah berasrama penuh.**

9. Sehingga kini juga terdapat **seramai 852 orang pelajar Orang Asli sedang menuntut di peringkat IPTA dalam pelbagai jurusan.** Daripada jumlah tersebut, seramai 391 orang pelajar sedang menuntut di peringkat diploma, 358 orang di peringkat ijazah dan 103 orang sedang menuntut di peringkat matrikulasi dan sijil. Kita juga berbangga apabila mempunyai **seramai 8 orang Orang Asli yang memiliki ijazah di peringkat Ph.D dan seramai 2 orang lagi yang sedang mengikuti pengajian di peringkat Ph.D.** Jika dilihat daripada jumlah tersebut, kita dapati bahawa masyarakat Orang Asli kini telah mempunyai kesedaran mengenai kepentingan pendidikan.

10. Kementerian telah menetapkan kepada JAKOA untuk sentiasa memastikan agar setiap tahun, sekurang-kurangnya seramai 15 orang pelajar Orang Asli berjaya melanjutkan pelajaran ke luar negara melalui Program Ijazah Luar Negara (PILN), ke beberapa buah negara seperti United Kingdom, Amerika Syarikat, Australia, India dan Korea Selatan. **Sejak program penghantaran pelajar Orang Asli mulai tahun 2010 hingga tahun 2017, seramai 87 orang pelajar telah berjaya melanjutkan pelajaran ke luar negara. Untuk tahun 2018, seramai 21 orang calon PILN telah menduduki peperiksaan IELTS pada bulan Mei yang lalu.**

**Hadirin-hadirat sekalian,**

11. Selain daripada tumpuan dalam bidang akademik, pihak Kementerian melalui JAKOA juga turut memberi perhatian terhadap **pembangunan kemahiran dan kerjaya masyarakat Orang Asli melalui Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) JAKOA.** Ia merupakan program bagi meningkatkan kemahiran belia-belia Orang Asli supaya mereka mampu mendapat pekerjaan atau dapat mengusahakan perniagaan sendiri yang boleh memberi pulangan pendapatan yang lebih tinggi serta dapat keluar daripada belenggu kemiskinan.

12. PLKK juga merupakan salah satu inisiatif Kementerian melalui JAKOA untuk mendekati masyarakat Orang Asli dari aspek peningkatan taraf ekonomi serta pada masa yang sama memperkukuhkan modal insan. **Para peserta dilatih untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam pelbagai bidang, antaranya pengurusan peruncitan,**

**servis motosikal, oil & gas, membaiki komputer, seni solekan, membaiki telefon pintar, kimpalan dan banyak lagi.**

13. **Program PLKK ini telah dilaksanakan mulai tahun 2011 dan sehingga tahun 2017, seramai 6,541 orang pelatih telah berjaya mengikuti program tersebut.** Keberkesanan dan keberhasilan PLKK akan melahirkan masyarakat Orang Asli yang mampu meningkatkan taraf ekonomi masing-masing melalui kerjaya, di samping sikap berdaya saing yang tinggi dan pengukuhan modal insan.

**Hadirin-hadirat sekalian,**

14. Saya juga ingin memaklumkan bahawa kita akan memantapkan lagi institusi Batin dan JKKKOA dengan menilai semula fungsi dan peranan Batin dan JKKKOA dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Walau bagaimanapun, tidak seperti Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), struktur dan elaun-elaun bagi institusi Batin dan JKKKOA tidak berubah.

15. Selain itu, pihak kementerian juga sentiasa meneruskan usaha untuk merapatkan jurang di antara JAKOA dan masyarakat Orang Asli. Oleh yang demikian, pihak Kementerian akan mendapatkan lebih ramai pegawai-pegawai kanan JAKOA dari kalangan masyarakat Orang Asli sendiri. Setakat ini kita telah mempunyai Ketua Pengarah JAKOA, Pengarah JAKOA Negeri Perak/Kedah dan Pengarah JAKOA Negeri Pahang dari kalangan masyarakat Orang Asli.

16. Diharapkan dengan pelantikan pegawai-pegawai kanan JAKOA dari kalangan masyarakat Orang Asli akan menambah keberkesanan fungsi JAKOA sebagai sebuah jabatan yang memberikan perkhidmatan pembangunan dan kebajikan masyarakat Orang Asli di seluruh negara.

**Hadirin-hadirat sekalian,**

17. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak JAKOA kerana telah berjaya menganjur Program Ramah Mesra YB Menteri Pembangunan Luar Bandar bersama Masyarakat Orang Asli Daerah Sepang dan saya yakin majlis kita pada hari ini akan dapat mengeratkan lagi hubungan silaturrahim sesama kita.

18. Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri kepada semua masyarakat Orang Asli di Negeri Selangor khususnya yang berada di Daerah Sepang ini.

Sekian, *Wabillaahit taufeeq wal hidaayah wassalaamu `alaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*